

Mingguan

# Wanita



**10 cara mudah bakar kalori**

**TOK MUDA:**  
Kalau sudah ditakdirkan bermadu

**YA TUHAN:**  
Isteri diburu dosa kerana duakan suami

**Along pulang tapi ibu masih rindu**


**Ada rahsia di sebalik bentuk telinga**

**MISTIK:**  
Misteri tengkorak memukul dada



Audit Bureau of Circulations

PERSONALITI  
LELAKI



MUKA SURAT 100

## KANSER GINEKOLOGI: APA YANG PERLU ANDA KETAHUI...

8 tahun menunggu tapi hanya 7 tahun kami bersama! - Arliza

RESIPI ISTIMEWA DARI BELUT



http://www.karangzaf.com/mingguanwanita



Dikurniakan wajah cantik serta bentuk tubuh menawan adalah satu kelebihan buat Fasha Sandha. Bersandarkan kelebihan tersebut jugalah membuatkan gadis kelahiran Johor Baru ini seakan 'bertuah' di dalam dunia seni apabila dirinya diberi kepercayaan oleh penerbit drama mahupun filem untuk berlakon di dalam penerbitan mereka.

OLEH: JULIE ROSHANA AKMA BT SHAFEE

PENYELARAS GAYA: SARIMAH MOKHTAR

FOTO: SHAHRUL NIZAM MAT ESA

PAKAIAN DAN AKSESORI : KOLEKSI JASMI REJAB

SOLEKAN DAN DANDANAN: MONA RAFAR

# Terus melangkah memburu cita-cita

**M**W bertuah mengabdikan wajah Fasha Sandha sekali lagi sebagai penghias muka hadapan. Dalam kesibukan mengejar waktu, Fasha masih sempat meluangkan masa memenuhi undangan MW. Seperti dahulu, Fasha tetap sama. Datang tepat pada masa dan bekerja secara profesional.

Penampilan pertama Fasha di dalam bidang seni bermula sebagai pelakon iklan produk kesihatan kira-kira empat tahun yang lalu. Selepas itu, langkahnya dalam bidang seni semakin panjang setelah wajahnya muncul sebagai pelakon pembantu dalam filem Black Maria, filem pertama yang memaparkan wajahnya di layar perak.

Nasib berpihak pada Fasha, di kala pelakon baru masih lagi bertapak mencari arah tujuan, Fasha walaupun masih agak baru di bidang seni telah diberi kepercayaan untuk memegang watak utama di samping Rosyam Nor di dalam filem Berlari ke Langit.





Bermula dari situ jugalah dirinya sentiasa mendapat kepercayaan penerbit untuk membawa watak utama mahupun pembantu. Sehingga kini sudah enam buah filem dan lebih 10 buah drama dan telemovie yang dibintanginya. Filem dan telemovie terbaru Fasha yang bakal menemui penonton adalah Anak Mami Kembali, Gong, Kasih...Relaku Pujuk dan Songket Cinta Bertenun Duka.

"Saya bersyukur diberikan kepercayaan untuk berlakon. Tapi saya perlu bekerja keras membuktikan bahawa saya mampu memikul tanggungjawab yang diberikan," ujar Fasha

Fasha sering diberi peluang melakonkan watak wanita baik dan lembut dalam drama, telemovie mahupun filem. Tetapi menerusi telemovie Kasih...Relaku Pujuk dan filem Gong, penonton bakal melihat perbezaan watak yang dipegangnya.

"Saya akan menjadi perempuan syok sendiri, garang, cepat naik angin dan cemburu dalam telemovie tersebut. Saya seronok mencuba watak negatif sebegitu kerana sekurang-kurangnya saya dapat tunjukkan pada penonton bahawa saya

juga boleh bawa watak sebegitu."

Walaupun dirinya semakin laris di kalangan penerbit, terdapat masih ramai lagi di kalangan penonton Malaysia tidak mengenali dirinya. Apa komen Fasha.

"Tidak juga begitu. Kini apabila saya keluar rumah, ada juga yang mengenali dan menegur. Tetapi saya tidak berkecil hati jika masih ada lagi yang tidak kenal saya. Itu hak mereka dan siapa saya untuk mengatakan bahawa mereka perlu kenal saya. Saya juga tidak kisah kerana bagi saya untuk jadi pelakon di Malaysia jika tidak dikenali tidak mengapa. Cukuplah dengan bakat yang ada. Lama-kelamaan mereka tentu juga akan kenal kita.

"Saya tidak dikenali mungkin juga disebabkan solekan yang dikenakan pada wajah saya. Lagipun mengikut jurusolek, wajah saya ini senang untuk diubah mengikut 'angle' tertentu."

## Fasha tukar imej?

Imej adalah perkara penting buat pelakon. Begitu juga dengan Fasha. Rambut panjang melepasi bahu adalah imejnya ketika berlakon. Rambut panjangnya yang cantik juga memberi kelebihan apabila dipilih menjadi model produk penjagaan rambut.

Tidak mahukah Fasha mengubah imej ataupun memotong rambut? Ketika diajukan soalan tersebut, inilah jawapan gadis berusia 21 tahun ini.

"Saya tidak terfikir untuk potong rambut menjadi pendek. Jika saya berambut pendek, agak sukar bagi saya untuk berlakon kerana penerbit lebih sukakan saya berambut panjang. Jika berambut pendek, nanti kena pakai rambut palsu dan sebagainya.

"Saya juga sukakan imej saya sekarang. Inilah diri saya sebenar. Saya suka keadaan semula jadi. Jika boleh saya tidak suka mewarnakan rambut mahupun memakai kanta lekap. Tetapi

kita tidak akan tahu apa yang berlaku pada masa hadapan. Mungkin apabila saya sudah bersedia, saya akan tukar imej."

Semenjak awal remaja lagi, Fasha sudah mula bekerja mencari wang sendiri. Namun begitu Fasha mengakui dirinya tidak menyesal menggunakan zaman remajanya untuk bekerja.

"Impian saya pada tahun ini adalah untuk lebih menumpukan perhatian pada bidang lakonan dengan lebih baik. Saya juga mahu meningkatkan mutu lakonan saya terutamanya dari segi perwatakan. Saya akan terus belajar kerana ilmu itu tidak pernah surut dan sentiasa berkembang termasuklah ilmu dalam bidang seni," Ujar Fasha mengakhiri perbualan.

